



**Pihak Berkuasa Kawalan Dadah**  
Drug Control Authority  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (95) dlm. BPFK/PPP/01103 Jld 2  
Tarikh : 26 DEC 2012

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN**

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN  
(SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Y. Bhg. Dato'/ Datin/Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN LOGO HALAL BAGI PRODUK FARMASEUTIKAL BERDAFTAR  
KATEGORI PRODUK BUKAN RACUN (OVER-THE-COUNTER, OTC)**

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dalam mesyuaratnya yang ke 258 pada 29 November 2012 telah bersetuju dengan penggunaan logo halal bagi produk farmaseutikal berdaftar kategori produk bukan racun (Over-The-Counter, OTC), tetapi tidak termasuk bentuk dos parenteral dan produk veterinar bagi pasaran tempatan dan eksport, **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013**.

3. Sila ambil maklum bahawa hanya logo halal yang diperakui dan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau dari Badan Islam yang diiktiraf oleh pihak JAKIM yang boleh diterima pakai.

4. Untuk makluman semua, penggunaan logo halal ini adalah **secara voluntari** di mana pertimbangan penggunaan logo halal tersebut adalah berdasarkan permohonan dan bukan sebagai keperluan mandatori.


5. Pemegang pendaftaran perlu mengemukakan permohonan variasi jenis II kepada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) bagi mengemaskini maklumat logo halal pada label produk berdaftar setelah pensijilan halal diperolehi. Sijil halal yang sah perlu dikemukakan semasa permohonan variasi.

6. Pemegang pendaftaran produk adalah disarankan agar mengambil maklum tentang perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SITI AIDA ABDULLAH)**

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah

Kementerian Kesihatan Malaysia

NB/DIREKTIF/2012

s.k. Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi, BPF  
Pengarah Penguatkuasa Farmasi, BPF  
Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk, BPFK  
Timbalan Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk, BPFK